

**UCAPAN OLEH YB TAN SRI DATUK CHONG KAH KIAT  
TIMBALAN KETUA MENTERI SABAH/MENTERI PELANCONGAN,  
KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN  
ANUGERAH SEKOLAH RAKAN ALAM SEKITAR (SERASI) 2005  
PADA 14 JANUARI 2006 JAM 8.30 PAGI BERTEMPAT DI UNIVERSITI  
MALAYSIA SABAH KOTA KINABALU, SABAH**

**Salutations:-**

Selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya merakamkan rasa sukacita dan bersyukur kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan serta para guru dan pelajar sekalian dalam *Majlis Penyampaian Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar (SERASI) 2005*.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dr Abang Haji Rauf bin Abang Haji Zen, Menteri Muda Alam Sekitar dan Kesihatan Awam Negeri Sarawak serta rombongan ke majlis pada pagi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Penganjuran program SERASI yang diperkenalkan sejak tahun 2003, sebagai salah satu aktiviti utama sempena Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia di negeri ini amat bertepatan.

Program ini merupakan satu landasan penting dalam mendisiplinkan golongan pelajar ke arah pembentukan masyarakat yang berwibawa, berfikiran positif dan bertanggungjawab serta sentiasa prihatin terhadap kepentingan perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar. Selaku peneraju kepimpinan negara di masa hadapan, pemilihan pelajar sebagai golongan sasaran amat bertepatan. Sekolah selain rumah, merupakan salah satu institusi yang paling sesuai untuk kita mula menanam semangat sayangkan alam sekitar serta membudayakan amalan-amalan hijau dan aktiviti-aktiviti mesra alam di kalangan generasi muda.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sejak akhir-akhir ini kita seringkali digemparkan dengan pelbagai bencana alam, samada yang berlaku secara semulajadi ataupun akibat daripada aktiviti-aktiviti manusia sendiri. Kita juga seringkali terbaca atau mendengar mengenai bencana alam seperti tsunami, ribut taufan dan gempa bumi.

Malapetaka ombak besar Tsunami yang telah melanda beberapa negara di Asia Pacific seperti Indonesia, India, Sri Lanka, Myanmar, Thailand dan beberapa negeri di Semenanjung Malaysia pada 26 Disember 2004 telah meragut beratus ribu nyawa serta memusnahkan harta benda, kawasan pertanian, penempatan, komersial dan kawasan pelancongan di negara-negara yang terlibat. Manakala gempa bumi Asia Selatan, yang berlaku pada 8 Oktober 2005 di kawasan Utara Pakistan dan India serta Timur Afghanistan, yang meragut beribu-ribu nyawa merupakan kejadian yang paling teruk dalam tempoh 70 tahun.

Selain daripada bencana alam ini, kita juga menghadapi pelbagai isu alam sekitar. Antara isu alam sekitar yang semakin hangat diperkatakan di seluruh dunia dan menjadi masalah sejagat ialah Pemanasan Global ( *Global Warming* ) . Para ahli Meteorologi mengaitkan fenomena Pemanasan Global ini sebagai penyebab kepada kenaikan paras laut akibat pencairan air batu di Artik dan Antartika, peningkatan ribut taufan, kemarau, hujan dan banjir yang luar biasa. Para ahli Meteorologi juga berpendapat bahawa Taufan Katrina dan Taufan Rita yang telah melanda Amerika Syarikat pada bulan Julai dan September 2005 adalah berkemungkinan disebabkan oleh peningkatan suhu sejagat yang menghasilkan tiupan angin ribut yang kencang akibat suhu bumi dan permukaan laut yang semakin meningkat.

Pada masa yang sama, para saintis juga mendapati bahawa pusat pembentukan dan arah tiupan angin ribut di permukaan bumi kini telah berubah. Jika perkara ini benar, Negeri Sabah yang selama ini dikenali sebagai “Negeri Di Bawah Bayu” kerana terlindung dari tiupan angin ribut yang sering melanda Negara Filipina, mungkin akan mengalami hujan ribut di masa depan.

Hasil daripada kajian para saintis juga, mereka meramalkan suhu dunia akan meningkat 3 hingga 4 darjah Fahrenheit menjelang tahun 2070. Akibat daripada fenomena ini, Malaysia dijangka akan menerima 5 peratus lebih hujan di musim kemarau (*dry season*) dan 10 peratus lebih hujan di musim basah (*wet season*) berbanding dengan keadaan masakini. Di samping itu, paras laut di persisiran pantai Negara kita dijangka akan naik 90 sentimeter pada tahun 2070. Pertambahan hujan serta perubahan cuaca yang tidak menentu akan mengakibatkan peningkatan kekerapan serta intensiti banjir di rantau ini.

Pada masa yang sama, keadaan ini akan meningkatkan kos penyelenggaraan struktur-struktur binaan untuk memastikan keselamatan penduduk seramai 3 juta yang mendiami kawasan pesisir pantai sepanjang 15,000 kilometer persegi di Semenanjung Malaysia dan 12,000 kilometer persegi di Sabah dan Sarawak.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Bencana alam yang telah berlaku di bumi kita ini serta isu-isu seperti perubahan iklim disebabkan oleh Pemanasan Global dan Perubahan Cuaca adalah antara cabaran-cabaran alam sekitar yang perlu dihadapi dan ditangani oleh generasi masa kini dan akan datang.

Justeru itu, saya berharap melalui program SERASI, ia akan dapat menanam semangat sayangkan alam sekitar dikalangan generasi muda agar dapat mewujudkan generasi yang mesra alam. Ini akan membantu ke arah pembudayaan amalan hidup yang lebih mesra alam seperti penjagaan kebersihan; pengurusan sampah sarap; penghijauan seperti penanaman pokok; keindahan sekolah, amalan konsep kitar semula dan sebagainya

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pembentukan golongan masyarakat yang sentiasa prihatin kepada penjagaan persekitaran amat penting. Masyarakat yang mesra alam akan meringankan bebanan kerajaan. Ini disebabkan penjagaan kebersihan dan pengurusan sisa pepejal dan sampah- sarap seperti pengutipan dan pelupusan merupakan satu bebanan besar yang perlu ditanggung oleh kerajaan. Pembuangan sampah-sarap di merata-rata tempat menyulitkan lagi kerja-kerja pengutipan terutamanya sampah-sarap yang terdampar di pesisiran pantai selepas dibuang ke dalam sungai atau

parit. Ini juga mencemar sumber air serta boleh menyebabkan penyakit berjangkit merebak.

Kita juga perlu menerapkan amalan kitar semula dikalangan masyarakat negeri ini.

Amalan kitar semula, seperti penggunaan semula bahan-bahan buangan dan pembuatan kompos atau baja organik daripada bahan mudah reput, bukan sahaja boleh mengurangkan perbelanjaan untuk menyelenggarakan tapak pelupusan sampah serta mengelakkan pencemaran alam sekitar tetapi akan mewujudkan persekitaran yang lebih sihat dan bersih.

Pembudayaan amalan sentiasa mengekalkan kawasan hijau dengan menanam pokok-pokok tumbuhan terutama di kawasan lapang perlu juga diwujudkan di kalangan masyarakat kita.

Kepentingan pokok untuk menggunakan karbon dioksida di udara dan membekalkan kita dengan oksigen memang kita ketahui bersama. Selain daripada itu, pokok-pokok juga membantu mengekalkan sumber air serta mengurangkan hakisan tanah dan banjir. Pokok jenis bakau pula selain menjadi habitat kepada pelbagai hidupan marin, bertindak sebagai pemampasan ( *buffer* ) kepada kesan pukulan ombak di tepi pantai. Para saintis telah melaporkan bahawa malapetaka seperti Tsunami dapat dikurangkan kesannya secara signifikan sekiranya pokok-pokok bakau ujud di kawasan yang terlibat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah sama-sama turut menjayakan program SERASI 2005 khususnya SHELL Malaysia selaku penyumbang utama kepada kos pelaksanaan program ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada SHELL Malaysia di atas penganugerahan "Prime Minister's Hibiscus Award 2004/2005" baru-baru ini. Ini jelas menunjukkan bahawa SHELL Malaysia bukan sahaja satu korporat gergasi yang sungguh cemerlang dan berjaya dalam bidang eksplorasi dan perusahaan petroleum dan gas tetapi ia juga syarikat yang prihatin kepada alam sekitar. Saya berharap syarikat swasta lain akan menjadikan kejayaan dan amalan syarikat SHELL sebagai *role model* agar sentiasa mesra alam dalam pelaksanaan objektif dan aktiviti.

Akhir sekali, saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua sekolah khususnya para Pengetua dan Guru Besar, guru-guru dan para pelajar yang telah mengambil bahagian dalam program SERASI 2005. Kejayaan program ini jelas membuktikan perkongsian bijak ( *smart partnership* ) serta kerjasama rapat antara agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGOs) termasuklah pihak sekolah sendiri untuk mencapai objektif yang sehaluan.

Saya berharap program ini bukan sahaja mendorong para guru dan pelajar sekolah-sekolah di seluruh negeri untuk berusaha bagi memenangi anugerah tetapi apa yang lebih penting adalah setiap sekolah berjaya menanamkan budaya sentiasa prihatin terhadap kepentingan penjagaan dan perlindungan alam sekitar di kalangan warga sekolah masing-masing. Kepada sekolah yang berjaya mendapat anugerah, saya ucapkan syabas dan tahniah. Bagi sekolah yang kurang berjaya, saya berharap mereka akan terus berusaha dan mencontohi usaha-usaha yang membawa kejayaan kepada sekolah-sekolah berkenaan. Sekian, terima kasih